



SIARAN MEDIA

‘SENTUHAN KASIH’ KPKT MEMPERUNTUKKAN RM8.12 JUTA BAGI PEMBANGUNAN KOMUNITI YANG BERKESAN DAN MAMPAN DI NEGERI PERLIS

KANGAR, 7 Mei 2024 – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah meneruskan siri jelajah Sentuhan Kasih KPKT ke Negeri Perlis pada hari ini dan telah mengumumkan peruntukan sebanyak **RM8.12 juta** untuk **pelaksanaan 20 projek di Negeri Perlis.**

Dalam lawatan tersebut, YB KM telah turun padang meninjau Kampung Warna Warni Seberang Ramai, Kangar Street Art, Program Perumahan Rakyat (PPR) Seri Sena dan Pasar Borong Sena.

Turut hadir bersama ialah Menteri Besar Perlis, YAB Tuan Mohd Shukri bin Ramli; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pembangunan Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan Negeri Perlis, YB Tuan Asrul Aimran bin Abd Jalil; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib dan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, YB Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar

KPKT telah meluluskan peruntukan seperti berikut:

1. **RM1.5 juta untuk menyokong inisiatif Kajian Rancangan Struktur Negeri Perlis 2040 (Kajian Semula).** Matlamat kajian tersebut adalah bagi memperkasakan pembangunan Negeri Perlis sebagai sebuah bandaraya yang mampan, inklusif dan makmur (*Sustainable, Inclusive and Prosperous*).
2. **RM100 ribu** bagi menyokong inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) Perlis 2024 iaitu *Street Art for Cities ‘Mental Health’*. Ia bertujuan menggalakkan gaya hidup sihat dan mengetengahkan strategi untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong bandar sihat melalui aktiviti mobiliti aktif seperti berjalan kaki dan penggunaan kenderaan mikromobiliti.

3. **RM2.96 juta** untuk penggantian 6 unit lif di Blok A dan B, PPR Seri Sena yang telah pun siap pada tahun 2023. Projek ini memanfaatkan 1,864 penghuni PPR Seri Sena.
4. **RM1.7 juta** bagi pelaksanaan **lima (5) projek Program Penyenggaraan Perumahan (PPP)** di kawasan perumahan awam di Kangar. Ini termasuk pendawaian elektrik untuk lampu kawasan dan koridor, penggantian paip retikulasi, penggantian bumbung, dan pembaikan kerosakan harta bersama seperti kebocoran tandas dan dapur.
5. **RM480 ribu** bagi **pembinaan semula 6 unit gerai di Pasar Borong Sena** telah pun siap pada tahun 2024. Projek ini turut dilengkapi dengan tandas lelaki, wanita dan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta kemudahan surau lelaki dan wanita bagi keselesaan peniaga dan pengunjung.
6. **RM1.38 juta** turut disalurkan kepada Majlis Perbandaran Kangar bagi tahun 2024 bertujuan untuk menaiktaraf lampu, tandas awam dan pasar.

Menurut YB KM, “Peruntukan yang diluluskan ini adalah belanjawan berdasarkan prestasi atau *“performance-based budget”* untuk memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan. Tidak ada pembaziran, ketirisan, dan pemborosan.”

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawah KPKT akan sentiasa bekerjasama dengan PBT di seluruh negara dan sektor korporat bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#DemiPertawi
#UnityInDiversity

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanec Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

